



Prasarana Malaysia Berhad 199801011092(467220-U)

Ibu Pejabat, Menara Prasarana, Jalan PJU1A/46, Ara Damansara, PJU 1A, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7614 3333 Website : www.prasarana.com.my

SIARAN MEDIA

Untuk siaran segera

RAPID KL LANJUT OPERASI REL PADA WAKTU PUNCAK SEMPENA SIDANG KEMUNCAK ASEAN

PETALING JAYA, 20 Mei 2025 – Bersempena sidang kemuncak ASEAN yang ke-46 yang bakal berlangsung di sekitar ibu kota Kuala Lumpur dan Putrajaya, pihak Rapid KL selaku jenama kepada pengendali perkhidmatan rel dan bas di Lembah Klang akan melanjutkan tempoh operasi rel pada waktu puncak pagi dan petang bermula 23 Mei hingga 28 Mei 2025.

Waktu puncak pada hari bekerja sepanjang tarikh tersebut akan ditambah satu (1) jam pada sebelah pagi dan petang. Berikut adalah jadual operasi tren pada waktu puncak;

Waktu Puncak Pada Hari Biasa	Waktu Puncak Sempena Sidang ASEAN
7.00 pagi – 9.30 pagi; <i>dan</i> 5.00 petang – 7.30 malam	6.30 pagi - 10.00 pagi; <i>dan</i> 4.30 petang – 8.00 malam

Kekerapan operasi tren pada hari Sabtu dan Ahad turut dipertingkatkan bagi menampung bilangan penumpang yang dijangka bertambah pada minggu ini. Berikut adalah jadual kekerapan tren pada 24 Mei dan 25 Mei 2025.

Laluan	Kekerapan Tren Pada Sabtu & Ahad	
	Pada Hari Biasa	Sempena Sidang ASEAN
Ampang/Sri Petaling	5 minit	4 minit
Kelana Jaya	7 minit	5 minit
Monorel	10 minit	8 minit
Kajang		
Putrajaya		

Rapid KL akan mempertingkatkan pemantauan dan kawalan operasi bagi memastikan kelancaran perkhidmatan pengangkutan awam sepanjang tempoh persidangan. Selain itu, Rapid KL juga bersedia menambah bilangan tren sekiranya berlaku peningkatan jumlah penumpang atau keperluan operasi semasa.

Seramai 400 kakitangan tambahan turut ditempatkan di stesen-stesen rel terpilih bagi membantu melancarkan pergerakan penumpang dan delegasi ASEAN yang menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam.

Bagi operasi perkhidmatan bas dan Rapid KL On-Demand, beberapa laluan dijangka mengalami kelewatan jadual perjalanan susulan penutupan jalan secara berperingkat oleh pihak berkuasa sepanjang tempoh tersebut.

Antara laluan yang terlibat ialah:

- **Laluan 402** (LRT Titiwangsa – LRT Maluri)
- **Laluan 302** (LRT Titiwangsa – KLCC)
- **Laluan 300** (Hab Pandan Indah – Lebuh Ampang)
- **Laluan 303** (Taman Mulia Jaya – Lebuh Ampang)
- **Rapid KL On-Demand** (Zon Titiwangsa – Chow Kit)

Pengguna bas yang ingin menuju ke KLCC dan kawasan sekitarnya disaran untuk menggunakan perkhidmatan rel bagi mengelakkan kesesakan lalu lintas. Antara stesen rel yang boleh digunakan termasuk Stesen KLCC (Laluan Kelana Jaya), Stesen Persiaran KLCC (Laluan Putrajaya), Stesen Raja Chulan (Monorel KL), Stesen Conlay (Laluan Putrajaya) dan Stesen Bukit Bintang (Laluan Kajang dan Monorel KL).

Rapid KL menyarankan penumpang agar merancang perjalanan lebih awal, memantau notifikasi terkini melalui media sosial rasmi Rapid KL atau memuat turut aplikasi PULSE, serta mempertimbangkan penggunaan alternatif seperti perkhidmatan rel bagi mengelakkan sebarang kesulitan.

Warga kota diseru untuk memanfaatkan sepenuhnya penggunaan pengangkutan awam bagi memudahkan pergerakan ke kawasan tumpuan, dan menyumbang kepada kelancaran trafik sepanjang tempoh persidangan dan acara berskala besar yang sedang berlangsung di ibu negara.

-TAMAT-